

HARI KE-3 – PELAKSANAAN KAWALAN PERGERAKAN

© 20 Mac 2020



 Facebook 0  Twitter 0

 WhatsApp



Orang ramai sedang beratur untuk membeli makanan





H
20
Ma
c
202
0 –
Has
il
tinj



Kenderaan masih banyak di jalan raya

auan hari ke tiga Pelaksanaan Kawalan Pergerakan di beberapa kawasan di sekitar Ipoh dan Batu Gajah, masih kelihatan orang ramai yang keluar dari rumah seolah-olah tiada apa yang berlaku. Mereka dilihat melakukan aktiviti membeli belah tanpa ada perasaan gusar tentang penyebaran wabak COVID 19 yang melanda negara ketika ini.

Orang ramai seharusnya lebih peka dan patuh kepada arahan kerajaan. Apabila arahan ini dikeluarkan bermakna orang ramai wajib menghadkan pergerakan masing-masing dan berada di rumah. Tinjauan di Terminal Bas Amanjaya pula mendapati masih ada pergerakan keluar dari Negeri Perak ke tempat lain. Namun mereka memaklumkan bahawa mereka bukanlah menetap di Perak tetapi datang menziarahi saudara di sini.

Di samping itu juga, orang ramai didapati masih membuat pembelian secara berlebihan atau *panic buying*. Tindakan seperti ini dibimbangi akan membawa kesan buruk dalam situasi kerajaan yang cuba menghalang penularan COVID-19. Pihak MKN Perak telah memaklumkan kepada pihak berkuasa agar dapat membuat pemantauan dan mengambil tindakan sewajarnya di kawasan-kawasan yang didapati berisiko untuk orang ramai berkumpul.





Orang ramai bersesak-sesak dengan aktiviti membeli belah


Artikel/Berita Terkini



TIM 'TASK FORCE' PEMATUHAN PKPB

Umumnya sedia maklum bahawa, bermula pada 04 Mei 2020, Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Sepanjang tempoh ...

[Maklumat Lanjut](#)



TERIMA KASIH 'FRONTLINERS'

Sebagai tanda sokongan dan penghargaan terhadap jasa dan pengorbanan petugas barisan hadapan bagi menangani penularan wabak Covid-19, Kementerian Wilayah

